

24 JUN 2002

Mahathir-Takziah

DR MAHATHIR UCAP TAKZIAH KEPADA KELUARGA FADZIL NOOR

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta keluarga hari ini mengucapkan takziah kepada keluarga Datin Khatijah Mohd Hashim, isteri Presiden PAS Allahyarham Datuk Fadzil Noor, yang meninggal dunia semalam.

Perdana Menteri dan isteri diberitahu mengenai kematian Ketua Pembangkang di Parlimen itu, ketika berada di dalam pesawat yang sedang dalam perjalanan membawa mereka bercuti ke luar negara.

"Berita kematian Allahyarham Datuk Fadzil Noor diterima setelah pesawat khas kerajaan yang membawa Perdana Menteri berlepas dari Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang," menurut kenyataan Bahagian Akhbar Pejabat Perdana Menteri yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Allahyarham Fadzil, 65, anggota Parlimen Pendang dan anggota Dewan Undangan Negeri Anak Bukit, menghembuskan nafas terakhir di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di sini pada 10.30 pagi. Beliau menjalani pembedahan pintasan jantung koronari di hospital itu pada 10 Jun lepas.

Menurut kenyataan itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah melahirkan rasa dukacita yang amat sangat kerana tidak dapat menziarahi Allahyarham di hospital pada saat-saat akhir serta tidak dapat bersama-sama menghadiri majlis pengebumian Allahyarham.

Dr Mahathir dan isteri berharap keluarga Allahyarham sentiasa bersabar dalam menerima dugaan itu.

"Dr Mahathir dan isteri sekeluarga mendoakan semoha Allah Subhanahu wa Ta'ala mencucuri rahmatnya ke atas roh Allahyarham dan dihimpunkan bersama-sama orang yang soleh," kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

RZS AKT NAK